

26 JUL 2002

Media-NGO/I

MEDIA DAN NGO PERLU CARI CARA TERBAIK SEBARKAN MAKLUMAT SENSITIF

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Media dan badan bukan kerajaan (NGO) Malaysia perlu mencari cara terbaik untuk menyebarkan maklumat yang dianggap memalukan oleh masyarakat tempatan.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir berkata mereka perlu mencari cara untuk menyalurkan maklumat sensitif terutamanya yang berkaitan dengan seks dan struktur tubuh manusia.

"Semua orang merungut tentangnya tetapi tiada seorang pun yang berbincang dan mencari strategi bagi melaksanakannya. Mungkin perlu ada jalinan perkongsian antara syarikat media dan NGO seperti kami dalam mencari cara untuk mendekati orang ramai terutamanya berhubung isu-isu seksual," katanya kepada pemberita selepas sesi pagi Seminar Antara Rantau Asia Pasifik mengenai Reproduksi dan Kesihatan Seksual di sini, hari ini.

Beliau berkata persekitaran negara ini tidak membolehkan perkara mengenai seks dibincangkan secara terbuka.

"Sukar untuk menyakin orang ramai terutamanya generasi muda bahawa membicarakannya secara terbuka adalah tidak sama dengan mempromosikannya atau menggalakkannya," kata Marina.

Marina berkata apa yang penting ialah memberikan maklumat sebenar kepada orang ramai.

Sementara itu, isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata adalah penting untuk mengamalkan sikap yang positif dan sihat terhadap masalah HIV/AIDS.

"Kita tidak lagi boleh menyembunyikan masalah itu kerana halangan sosial, budaya, agama atau ekonomi sebaliknya kita perlu menanganinya secara terbuka dan berobjektif," katanya.

Beliau berkata cara terbaik untuk bergerak ke hadapan di Asia Pasifik ialah dengan berkongsi strategi yang boleh menghasilkan kejayaan.

Dr Siti Hasmah berkata mereka juga perlu memaklumkan manfaat penyelidikan dan pengalaman luaran bagi menggalakkan usaha memerangi masalah itu selain meningkatkan lagi inovasi dan inisiatif.

-- BERNAMA

FAY HS NAK